

28 JUN 2002

Wanita-MCA/I

WANITA MCA HULUR SOKONGAN PENUH KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Wanita MCA hari ini menyambut baik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen berkata, pergerakan itu mempunyai keyakinan penuh terhadap Abdullah untuk menerajui negara ini.

"Wanita MCA ingin menyatakan komitmen dan sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kami yakin beliau akan terus membawa Malaysia ke pencapaian yang lebih tinggi," kata beliau semasa berucap di mesyuarat agung tahunan ke 27 Wanita MCA di PWTC, di sini.

Dr Ng berkata beliau terkejut apabila Dr Mahathir mengumumkan beliau akan berundur daripada semua jawatan dalam Umno, Barisan Nasional dan kerajaan minggu lepas.

Dr Mahathir, katanya telah memastikan peralihan kuasa yang lancar dan teratur dan ini tidak dapat disaksikan di banyak negara lain.

Perhimpunan tahun ini menggunakan slogan "Pemikiran Wanita: Mengubah Minda Bagi Pembangunan".

Dr Ng berkata wanita daripada semua kaum memainkan peranan signifikan dalam pembangunan ekonomi Malaysia bukan sahaja di masa lampau, tetapi juga hari ini dan esok.

"Hari ini 67 peratus daripada siswazah institusi pengajian tinggi adalah perempuan. Bagaimanapun, ada jurang luas antara jantina, dalam industri kecil dan sederhana dan penyertaan dalam sektor keusahawanan wanita Malaysia," katanya.

"Oleh itu Wanita MCA menyeru kerajaan untuk memajukan satu rangka tindakan menyeluruh yang mesti turut mengambil kira sokongan kewangan, latihan, teknologi komunikasi maklumat dan sokongan pemasaran untuk menampilkan wanita ke arus utama ekonomi," katanya.

Dr Ng menambah kata wanita tidak kira kumpulan etnik, agama dan latar belakang, semuanya menghadapi pelbagai halangan dalam menyertai arena ekonomi.

-- BERNAMA

YBK AFY PR